

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kaedah pemantauan dan tindakan yang diambil bagi mengekang kenaikan harga barangan yang dilihat semakin membimbangkan pada ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum akan keresahan masyarakat berikutan isu kenaikan harga barangan yang berlaku. Kenaikan harga atau sebarang perubahan harga yang berlaku adalah sentiasa di dalam perhatian pihak kementerian. Namun kita perlu sedar, tidak semua barangan merupakan barang kawalan yang ditetapkan harganya oleh kerajaan. Perubahan harga barangan dipengaruhi oleh banyak faktor antaranya permintaan dan penawaran, kualiti, kuantiti dan faktor-faktor lain seperti nilai mata wang dan keadaan cuaca. Namun begitu, sekiranya ada berlaku kenaikan yang agak drastik dan didapati ada unsur-unsur pengambilan keuntungan yang berlebihan, tindakan boleh diambil oleh kementerian di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011.

Sepanjang tahun 2021 sehingga 13 Oktober 2021, sejumlah 738,463 premis perniagaan telah diperiksa di seluruh Negara oleh anggota penguat kuasa KPDNHEP bagi memastikan pematuhan ke atas semua undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian bagi melindungi pengguna. Daripada jumlah tersebut sebanyak 5,947 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 dengan nilai rampasan dianggarkan berjumlah RM32,480.00 dan nilai kompaun sebanyak RM 929,900.00

Sekian, terima kasih.